

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 2/1989

CARA PROSES PERMOHONAN PINDAHMILIK TANAH DAN GADAIAN DI BAWAH PROGRAM KHAS PERUMAHAN KOS RENDAH

Arahan ini dikeluarkan unruk memberitahu semua Pentadbir Tanah Jajahan tentang cara memproses permohonan pindahmilik dan gadaian di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah.

2. Mengikut Pekeliling P.T.G. Bil. 1/88 semua Pentadbir Tanah Jajahan telah diberitahu bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan setelah menimbang Kertas Bil. 19/731/87(96) telah memberi kebenaran am di bawah Seksyen 13A Enakmen Rizab Melayu Kelantan 1930 dan Seksyen 104 Enakmen Tanah Kelantan bagi membolehkan tuan tanah **Bukan Melayu** membuat pindahmilik pertama kepada pembeli-pembeli yang Bukan Melayu dan Bukan Anak Kelantan Jati dan seterusnya membolehkan pembeli pertama membuat cagaran kepada Bank atau Institusi Kewangan yang tidak disenaraikan di dalam Jadual D dan 26A. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada dasar semasa dari segi tempoh pajakan dan proses pindahmilik melalui serah ballik dan pemberianmilik semula. Dasar pindahmilik telah dinyatakan di dalam Pekeliling Pejabat ini Bil.2/88 dan 3/88.

3. Pekeliling tersebut juga menegaskan bahawa Pentadbir Tanah Jajahan hendaklah mengambil ingatan bahawa kemudahan ini hanya diberi kepada urusan tanah-tanah dalam kawasan Program Khas Perumahan Kos Rendah sahaja. Bagi mereka yang mendapat kelulusan am ini masih perlu kepada sijil di bawah Seksyen 13A dan Seksyen 104 **Cuma permohonan mereka itu tidak perlu diproses** . Dengan kata lain Pentadbir Tanah Jajahan tidak perlu menyediakan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan tetapi fail hendaklah dibuka bagaimana lazim atau mengikut satu-satu projek dan bayaran sijil hendaklah dipungut seperti biasa. Demkian juga bagi kes-kes yang terlibat dengan penyerahan balik Borang 12A dan Jadual I hendaklah diisi.

4. Adalah diperhatikan bahawa ada sedikit kekeliruan dikalangan Pentadbir Tanah Jajahan tentang cara hendak mengangkat fail bagi maksud mendapat sijil tersebut. Daripada fail-fail yang diterima di Pejabat ini adalah diperhatikan seperti berikut :-

- (a) Setengah Pentadbir Tanah Jajahan hanya menyediakan minit untuk disediakan Sijil di bawah Seksyen 13A dan Seksyen 104 tanpa diberi sedikit sebanyak latar belakang projek. Dengan kata lain ini terlampau ringkas yang menyebabkan kadang kala Pejabat ini terpaksa menyemak butir-butir dalam fail berkenaan untuk mendapat latar belakang projek.
- (b) Ada setengah Pentadbir Tanah Jajahan menyedia Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan di atas kertas merah atau putih untuk mendapat kelulusan YB. Dato' Setiausaha Kerajaan. Proses ini terlampau panjang kerana latar belakang projek tidak diberi dan kadang kala yang disediakan itu seolah-olah untuk mendapat kelulusan sedangkan kelulusan am telahpun diberi mengikut Kertas Bil.19/731/87(96).

5. Untuk menyeragamkan proses permohonan pindahmilik di bawah Program Khas Perumahan Kos Rendah latar belakang projek bagaimana Lampiran 'A' hendaklah digunakan.

t.t

(Tengku Elias bin Tengku Mahmood),
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN

FAIL : P.T.G.KN.SULIT 1/2/7(79)

BERTARIKH : 13HB. DISEMBER, 1989

KEPADA :

Semua Pentadbir Tanah Jajahan,
KELANTAN

**PEJABAT PENGARAH TANAH & GALIAN,
KELANTAN, BLOK 3, KOTA DARULNAIM,
15576 KOTA BHARU**

**PERMOHONAN PINDAHMILIK DAN GADAIAN
DI BAWAH PROGRAM KHAS PERUMAHAN KOS RENDAH
– PEKELILING P.T.G BIL. 1 TAHUN 1988**

1. LATAR BELAKANG (CONTOH)

- 1.1 Nama Projek : Taman Sri Kayangan, Mukim Tanah Merah
- 1.2 Kelulusan Taraf Projek Khas : SUK(D)200/04/850/9-3(2)
- 1.3 Pemaju : Mok Realty, 3954 Bangunan Mok
Jalan Temonggong,
Kota Bharu, Kelantan
- 1.4 Lokasi : Kampung Lubok Rotan Tawar,
Mukim Tanah Merah
Daerah Kusial
Kelantan
- 1.5 Jumlah Lot : 80 lot teres, 20 lot banglo (sederhana)
- 1.6 Jenis rumah : Teres 1 tingkat
- 1.7 Prestasi Penjualan : (a) Kepada Melayu Anak Kelantan Lot
(b) Kepada Melayu Bukan Anak Kelantan
..... lot
(c) Kepada Bukan Melayu lot
- 1.8 Kelulusan Pindahmilik Kepada : Telah diberi oleh M.M.K
Bukan Melayu Bukan Anak Kelantan Mengikut Kertas Bil.
19/731/87/96
- 1.9 Nama Tuan Tanah : Nazlan bin Ab. Rahman, K.P
- 1.10 Taraf : Melayu Anak Kelantan
- 1.11 Alamat : Taman Sri Kayangan,
Tanah Merah, Kelantan

2. PERIHAL TANAH

- 2.1 Mukim :
- 2.2 Daerah :
- 2.3 No. Lot :
- 2.4 No. Hamilik :
- 2.5 Keluasan :
- 2.6 Jenis Tanah :
- 2.7 Syarat Nyata :

3. PERIHAL PEMBELI

- 3.1 Nama :
- 3.2 No. Kad Pengenalan :
- 3.3 Alamat :
- 3.4 Pekerjaan :
- 3.5 Tempat dan tarikh Lahir :
- 3.6 Bangsa :
- 3.7 Nama Ayah :
- 3.8 Tempat Lahir Ayah :
- 3.9 Taraf : Melayu Bukan Anak Kelantan Jati

4. PERIHAL KELUARGA

- 4.1 Nama Suami/Isteri :
- 4.2 No. Kad Pengenalan :
- 4.3 Pekerjaan :
- 4.4 Tempat dan Tarikh Lahir :
- 4.5 Tempat Lahir Ayah :
- 4.6 Bilangan Anak :
- 4.7 Bilangan Anak Berumahtangga :
- 4.8 Bilangan Anak di Bangku Sekolah :
- 4.9 Lama masa tinggal di Kelantan :
- 4.10 Pemilikan Harta lain di Kelantan lot
- 4.11 Pemilikan Harta di luar Kelantan lot

5. PERIHAL PEMEGANG GADAI

- 5.1 Nama Peggadai :
- 5.2 Alamat :
- 5.3 Jumlah Gadaian :